

IJN imbangi tuntutan sosial, komersil

BH - 3 FEB 2000

Oleh Nazar Abdul

INSTITUT Jantung Negara (IJN) yang ditubuhkan tujuh tahun lalu kini menjadi lambang semangat Malaysia Boleh dalam bidang perubatan khusus berkaitan penyakit jantung. Dengan adanya sekumpulan pakar, doktor dan jururawat yang kebanyakannya daripada rakyat tempatan, IJN mampu mengendalikan pelbagai kes penyakit jantung termasuk kes pemindahan yang biasanya dilakukan di luar negara.

Setakat ini, IJN mengendali tujuh kes pemindahan jantung membabitkan pesakit berumur di antara 14 dan 40 tahun. IJN memberi rawatan kepada 74,484 pesakit pada tahun kewangan 1 September 1997 hingga 31 Ogos 1998. Daripadanya, 65,612 orang adalah pesakit luar. Bagi tempoh yang sama, 2,454 pembedahan jantung dijalankan di IJN iaitu 1,836 pembedahan terbuka manakala 623 lagi pembedahan tertutup dan thorasik.

IJN kini boleh melakukan hampir semua pembedahan dan rawatan jantung seperti yang dilakukan oleh mana-mana hospital atau pusat perubatan di luar negara. Ada juga kaedah rawatan yang belum pernah dilakukan di mana-mana negara lain tetapi dilakukan di IJN bersama pakar dari Amerika Syarikat.

Dengan kejayaan dan pencapaian memberangsangkan, rakyat Malaysia semakin yakin dengan kemampuan IJN dan tidak lagi memilih untuk mendapatkan rawatan di luar negara. Bukan saja rakyat Malaysia yakin dengan IJN, malah rakyat beberapa negara jiran seperti Bangladesh, Pakistan dan Brunei juga memilih Malaysia mendapatkan rawatan penyakit itu khususnya di IJN. Difahamkan sudah ada menteri dan pegawai dari negara jiran yang mendapatkan rawatan di IJN.

Menurut Pengerusi IJN, Tan Sri Dr Abdul Hamid Pawanteh, IJN wujud secara kebetulan apabila unit jantung Hospital Kuala Lumpur (HKL) dipisahkan dan dijadikan sebuah institut yang diperbadankan. Penubuhan IJN juga dibuat sebagai menghormati keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan beliau sendiri dibedah dan dirawat di Malaysia dan tidak pergi ke luar negara. Perdana Menteri menjala-

PETIKAN

Dengan kejayaan dan pencapaian memberangsangkan, rakyat Malaysia semakin yakin dengan kemampuan IJN dan tidak lagi memilih untuk mendapatkan rawatan di luar negara

ni pembedahan pintasan jantung di HKL oleh sekumpulan pakar bedah tempatan diketuai Dr Yahya Awang, Ketua Jabatan Kardiorasik IJN sejak 24 Januari 1989.

Langkah memisahkan unit jantung daripada HKL juga bertujuan memastikan supaya usaha mengendalikan kes penyakit jantung di negara ini lebih berkesan dan lancar. Sejak diperbadankan sebagai IJN Sendirian Berhad melalui kaedah pengkorporatan, IJN berkembang pesat hingga mencapai taraf yang dinikmati hari ini di bawah kepeimpinan bekas Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Khalid Shahan.

"Langkah pengkorporatan adalah faktor terpenting yang menyumbangkan kepada perkembangan pesat IJN sebagai entiti komersil perubatan yang kukuh dan berdaya maju," katanya dalam satu temu bual baru-baru ini.

Melalui pengubahsuaian kaedah, IJN masih berada di bawah kelolaan Kementerian Kesihatan dari segi dasar tetapi dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan. IJN perlu patuh kepada dasar dan tuntutan Kementerian Kesihatan serta dibiayai oleh Menteri Kewangan Diperbadankan.

"Kita perlu mengimbangi antara tuntutan kebajikan pesakit dan pengwujudan sebuah entiti komersil yang kukuh.

IJN tidak boleh menanggung kerugian atau hutang yang banyak semata-mata untuk memberikan khidmat sosial kepada masyarakat," tegasnya.

Beliau berkata, selama ini keuntungan IJN dilabur balik dengan meningkatkan mutu perkhidmatan, mengadakan latihan, membina bangunan tambahan dan memperbaiki segala peralatan yang digunakan. IJN juga membelanjakannya untuk projek pembesaran, penyelidikan dan pembangunan dan pemberian imbuhan kepada kakitangannya cemerlang.

Keuntungan juga digunakan untuk memberi subsidi bagi menampung kos rawatan pesakit kurang mampu, pesara, kakitangan kerajaan dan keluarga mereka. "Kita akan memastikan IJN menjadi institusi kesihatan yang benar-benar berwibawa dan menjadi sebuah entiti komersil yang berdaya maju," katanya.

Sejak ditubuhkan, IJN dapat mencapai matlamatnya dan akan terus berusaha meningkatkan perkhidmatannya kepada masyarakat. IJN juga sedang bergiat mencari sumber lain bagi memban-tu membiayai program rawatan pesakit jantung yang semakin mendapat sambutan rakyat. Pada masa ini tiada peruntukan kerajaan untuk membiayai program pemindahan jantung di IJN. Program ini dibiayai sendiri oleh IJN yang setakat ini masih mampu melaksanakan sebagai satu tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Semua golongan masyarakat sama ada yang kaya atau miskin akan diberi perkhidmatan dan rawatan yang sama dan sebaik mungkin. "IJN tidak membezakan layanan terhadap pesakit mengikut taraf sosial seseorang ketika memberi rawatan rapi. IJN tetap menggunakan pakar dan peralatan yang sama untuk setiap pesakit tanpa mengira kedudukan mereka," tegas Dr Hamid.

Mengenai tenaga kerja di IJN, IJN masih menghadapi kekurangan kakitangan khususnya pakar, doktor dan jururawat di bidang bius pembedahan. Kekurangan ini sangat dirasakan sehingga mengambil pakar dari luar negara.

Antara punca kekurangan itu ialah IJN kurang mampu menawarkan gaji yang